

NO SOALAN :326

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NG WEI AIK  
(TANJONG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN NG WEI AIK [ TANJONG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilangan pembelian kapal terbang yang baru telah ditandatangani oleh negara kita dengan Boeing setakat ini selepas lawatan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat pada September 2017, serta harga belian dan spesifikasi bagi pembelian setiap kapal terbang yang ditandatangani tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Pemulihan MAS (PPM) yang sedang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) mulai 29 Ogos 2014 memberi tumpuan kepada 12 bidang utama meliputi proses Tadbir dan Rangka Kerja Kewangan, Model

Operasi Perniagaan, Kepimpinan dan Modal Insan serta Pengawalseliaan. Selaras dengan rangka kerja di bawah PPM tersebut, Malaysia Airlines Berhad (MAB) akan mengembangkan operasinya ke laluan-laluan baharu di Eropah dan beberapa destinasi di Amerika Syarikat. Oleh yang demikian, MAB memerlukan pesawat yang lebih luas (*wide-body*) seperti pesawat Boeing 737 MAX 10 yang akan menguntungkan syarikat penerbangan tersebut dengan kos tempat duduk paling murah dalam kelasnya. Manakala pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pula adalah bersifat *flexible* dimana ia berupaya melakukan penerbangan jarak jauh bagi tempoh di antara 5 hingga 7 jam atau 7 hingga 13 jam. Pesawat-pesawat ini mempunyai kecanggihan daripada segi teknologi dengan ciri-ciri terkini dan amat efisien daripada segi penggunaan minyak dan bahan api yang dapat menjimat dan meminimakan kos operasi syarikat.

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan untuk membeli pesawat tambahan ini adalah selaras dengan keperluan bagi pertumbuhan pesat MAB khususnya bagi penerbangan antarabangsa. Di bawah pelan pengantian pesawat-pesawat baharu, cadangan pembelian 8 buah pesawat Boeing 737 MAX 8 dan 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliner pada tahun

2017 dibuat berdasarkan keperluan operasi syarikat.

Perjanjian yang ditandatangani pada 12 September 2017 di Amerika Syarikat di antara pihak MAB dan The Boeing Company (Boeing) ini merupakan *non-binding Memorandum of Understanding* (MOU) dan memerlukan rundingan lanjut sebelum sebarang keputusan pembelian pesawat dimuktamadkan. MOU berkenaan merupakan satu platform rundingan yang baik kepada MAB sebelum sebarang keputusan mengenai pembelian pesawat dibuat oleh syarikat. Jumlah keseluruhan kos bagi pembelian 8 buah pesawat Boeing 737 MAX 8 dan 8 buah pesawat Boeing 787-9 Dreamliner ini (termasuk program penyelenggaraan) adalah dianggarkan berjumlah USD3.9 bilion. Walau bagaimanapun, kos sebenar akan dimuktamadkan semasa proses rundingan kelak. Pihak MAB juga masih mengkaji dan menilai sebarang kemungkinan ke atas pembelian tersebut berdasarkan strategi dan keperluannya dan sedang membandingkannya dengan pesawat daripada syarikat-syarikat yang lain. Sebarang keputusan ke atas cadangan pembelian pesawat ini dijangka hanya dapat ditetapkan pada akhir tahun 2018.